



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
FENOMENA SOSIAL DALAM NOVEL PILIHAN

ROSNANI BINTI MD ZAIN

FBMK 2018 6



FENOMENA SOSIAL DALAM NOVEL PILIHAN

Oleh

ROSNANI BINTI MD ZAIN

**Tesis ini dikemukakan untuk Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera**

November 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan untuk Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

FENOMENA SOSIAL DALAM NOVEL PILIHAN

Oleh

ROSNANI BINTI MD ZAIN

November 2017

Pengerusi : Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Secara keseluruhannya, fenomena sosial merujuk kepada kenyataan atau fakta yang terjadi dalam masyarakat. Kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada pertikaian mengenai kemenangan Razali Endun menerusi novel *Nenek* dalam Anugerah Hadiah Sastera Perdana 2014. Ada pihak yang mendakwa bahawa *Nenek* tidak layak memenangi anugerah tersebut kerana tidak mengetengahkan fenomena semasa. Selain itu, ada juga pihak yang berpendapat bahawa novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK lebih menepati kriteria kerana mengetengahkan persoalan semasa yang relevan dalam konteks kehidupan masyarakat pada hari ini. Melalui isu-isu yang dibangkitkan mengenai kedua-dua novel tersebut, pengkaji telah terpanggil untuk membuat kajian dengan memfokuskan kepada aspek fenomena sosial yang terdapat dalam kedua-dua novel kajian. Objektif kajian adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat dalam novel kajian. Bagi mencapai objektif kajian ini pengkaji telah menggunakan kerangka teori fakta sosial yang diasaskan oleh Emile Durkheim. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa elemen fenomena sosial yang diketengahkan dalam novel kajian antaranya ialah tatacara perhubungan dalam masyarakat, perpecahan dalam masyarakat, kebudayaan, kekeluargaan, kemiskinan, pembangunan sosioekonomi masyarakat, masalah sosial dan undang-undang tanah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua novel tersebut mengetengahkan aspek fenomena sosial, namun fenomena sosial yang terdapat dalam novel *Nenek* lebih dominan berbanding dalam novel *Luka Nering*. Ini telah membuktikan bahawa novel *Nenek* sarat dengan fenomena masyarakatnya dan fenomena sosial yang diketengahkan dalam novel tersebut merupakan fenomena sezaman.

Kata Kunci: fenomena sosial; *Nenek*; *Luka Nering*; teori fakta sosial

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

SOCIAL PHENOMENA IN SELECTED NOVEL

By

ROSNANI BINTI MD ZAIN

November 2017

Chairman : Rafidah Nik Nik Muhammad Affandi, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The social phenomenon referred to the reality or fact that occurred in society. The study was carried out because there is a dispute over Razali Endun's victory for *Nenek* novel in *Hadiah Sastera Perdana* award 2014. Some claim that *Nenek* novel did not qualified for the award because it did not highlight the current phenomenon. In addition, there are also those who argue that *Luka Nering* novel by Malim Ghazali PK more complied with the criteria in highlighting relevant current issues in the context of today's society. Through the issues raised about the two novels, researchers have been decided to conduct research by focussing on social phenomenon aspect in both novels. The objective of the study is to classify and analyze the social phenomena that found in the study novel. In order to achieve the objective of this study, researchers had used the framework of social facts theory found by Emile Durkheim. The study shows that there are several elements of social phenomena highlighted in the novel of the study among them are relationship procedure in society, disunity in society, cultural, family, poverty, society's socio-economic development, social problem and land laws. It is undeniable that both novels highlight the aspect of social phenomena, however the social phenomenon found in *Nenek* novel is more dominant than the *Luka Nering* novel. This has proven that *Nenek* novel is full of the society phenomenon and social phenomenon featured in the novel is a contemporary phenomenon.

Keywords: Social Phenomena, *Nenek*, *Luka Nering*, Social Facts Theory

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dengan limpah dan kurniaNya dapat juga tesis ini disiapkan dalam tempoh yang singkat. Sepanjang menjalankan penyelidikan, Alhamdulillah telah diberikan kesihatan yang baik serta perjalanan kajian ini berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Saya juga ingin merakakan ribuan terima kasih kepada penyelia Profesor Madya Dr Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan penyelia bersama Profesor Madya Dr Kamariah Kamarudin kerana memberi bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ibu iaitu Khadijah Bt Ismail yang sentiasa berdoa dan merestui pengajian saya ini.

Diharapkan agar kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Semoga ilmu yang tidak seberapa dalam kajian ini dapat dikongsikan dengan khalayak sastera.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 November 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rosnani binti Md Zain bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Fenomena Sosial dalam Novel Pilihan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina binti Abu Bakar, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, PhD
Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeriaan adalah seperti berikut:

Nik Rafidah binti Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas; tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Rosnani Binti Md Zain, GS46021

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Nik Rafidah binti Muhamad Affendi

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Batasan Kajian	5
1.6 Kaedah Kajian	6
1.7 Definisi Konsep	6
1.8 Fenomena sosial	6
1.9 Novel	10
1.10 Kesimpulan	10
2 SOROTAN KAJIAN	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian Mengenai Fenomena Sosial dalam Karya Sastera	11
2.3 Kajian Mengenai Novel <i>Nenek dan Luka Nering</i>	16
3 METODOLOGI KAJIAN	18
3.1 Pengenalan	18
3.2 Reka Bentuk Kajian	18
3.3 Kajian Kepustakaan	19
3.4 Kaedah Analisis Teks	19
3.5 Pendekatan Teori	20
3.6 Sejarah Perkembangan Teori Sosiologi	20
3.7 Latar Belakang Emile Durkheim	21
3.8 Prinsip-prinsip Teori Fakta Sosial Emile Durkheim	21
3.9 Justifikasi Pemilihan Teori Fakta Sosial Emile Durkheim	23
3.10 Kerangka Konseptual Kajian	24
4 DAPATAN KAJIAN	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Tatacara Perhubungan dalam Masyarakat	25
4.3 Perpecahan dalam Masyarakat	31

4.4	Kebudayaan	33
4.4.1	Adat-istiadat	34
4.4.2	Kesenian	37
4.4.3	Kepercayaan	39
4.5	Keluarga	41
4.5.1	Keluarga Positif	41
4.5.2	Keluarga Negatif	48
4.6	Pemimpin dan Kepimpinan	52
4.7	Pembangunan sosioekonomi masyarakat	61
4.8	Kemiskinan	65
4.9	Masalah Sosial	69
4.10	Undang-Undang Tanah	78
5	RUMUSAN	81
	BIBLIOGRAFI	87
	BIODATA PELAJAR	97

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sastera dan masyarakat mempunyai perkaitan yang amat akrab. Hal ini kerana sastera merupakan cerita tentang masyarakat yang terhasil daripada manifestasi fenomena sosial yang wujud dalam masyarakat. Fenomena sosial yang terjadi dalam masyarakat inilah yang memberi idea kepada pengarang untuk menghasilkan karya sama ada dalam bentuk cerpen, drama, novel mahupun puisi. Oleh yang demikian, tidak semua yang diperolehi akan dijadikan sebagai bahan penceritaan. Justeru, fenomena-fenomena atau isu-isu yang melingkari pemikiran pengarang akan ditapis terlebih dahulu sebelum diangkat sebagai karya kreatif dan imaginatif (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, dan Asiah Abdul Rahman, 2011: 4).

Oleh kerana kesusasteraan lahir bersama-sama masyarakat, maka ianya berkembang mengikut peredaran zaman. Pengarang yang peka dengan persekitarannya akan melahirkan perlukisan yang memaparkan situasi. Hal ini jelas diperakui oleh Shahnnon Ahmad melalui petikan di bawah:

Dipandang dari sudut kemanfaatan inilah kaitannya dengan masyarakat amat erat. Sebuah novel adalah satu dokumentasi sosial. Isinya juga adalah isi masyarakatnya. Pengarang yang hidup ditengah-tengah nilai masyarakatnya. Dia menggambarkan perjuangan dalam kehidupan, pertentangan antara keadilan dan ketidakadilan, menggauli fikiran dan perasaan masyarakatnya, bercampur-baur dengan imajinasinya yang juga secara tidak langsung imaginasi masyarakat.

(Shahnnon Ahmad, 1989: 7)

Berdasarkan petikan jelas menunjukkan bahawa kesusasteraan dalam perhubungan dengan masyarakat merupakan satu cara untuk melahirkan semula pengalaman hidup seseorang pengarang. Rakaman tersebut diceritakan semula dalam bentuk karya sastera. Ini dijelaskan oleh S.Othman Kelantan (1985:02) dengan mengatakan bahawa:

Hubungan novel dengan masyarakat amat jelas, iaitu dihubungkan oleh pengarang yang merupakan satu unit dalam masyarakat manusia. Pengalaman pengarang di dalam masyarakat telah dirakamkan ke dalam novel dan apabila dibaca oleh pembaca yang juga satu unit dalam masyarakat, bererti ia membaca pengalaman masyarakat yang sudah dirakamkan. Sama ada disebut novel itu sebagai pengalaman individu atau pengalaman masyarakat secara kolektif, tidaklah begitu penting. Yang penting bahawa novel itu telah menjelaskan secara langsung atau tidak langsung pengalaman masyarakat yang kompleks itu.

S.Othman Kelantan, 1985:02)

Sebagai salah satu genre kesusasteraan, novel menceritakan tentang masyarakat. Karya fiksiyen atau disebut juga sebagai novel merupakan sebuah karya yang terhasil daripada pengalaman atau kehidupan seharian yang dekat dengan pembaca (Sohaimi Abdul Aziz, 2004:01). Pada umumnya, istilah novel berasal daripada perkataan Itali iaitu *novella*, atau *novelte* yang “bererti sesuatu yang baru”. Novel juga merupakan karya fiksiyen atau cereka dalam bentuk karangan panjang yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti plot, sudut pandangan dan beberapa ciri yang lain (Talib Samat, 1988:03).

Manakala Johan Jaafar (1983:03) pula mengatakan bahawa novel itu jika dilihat secara idea adalah buku tentang kehidupan dan pati segala pengalaman. Novel atau *roman* ialah cerita rekaan berdasarkan kehidupan yang benar dialami oleh manusia (Ismail Ahmad, 1988:05-06). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa novel merupakan realiti kehidupan manusia yang diolah dalam bentuk tulisan. Manakala karya sastera sebagai fenomena sosial dalam masyarakat tidak hanya dilihat dari segi penghasilan tetapi hakikat penghasilan karya sastera itu sendiri. Hal ini bermakna reaksi sosial penulis terhadap fenomena sosial yang berlaku dalam persekitarannya akan mendorong pengarang untuk menghasilkan sebuah karya sastera.

Razali Endun menerusi novel *Nenek* dilihat berjaya mengetengahkan persoalan semasa yang dihadapi oleh masyarakat iaitu persoalan mengenai tanah penduduk kampung yang diambil oleh pihak berkuasa untuk dibangunkan sebagai kawasan industri. Manakala Malim Ghozali PK dengan novel *Luka Nering* mengetengahkan perjuangan seorang raja iaitu Tengku Cik mempertahankan sejarah tanah air daripada dicerobohi oleh pihak Inggeris yang berpegang kepada prinsip sejarah hendaklah ditulis oleh bangsa yang menang. Kedua-dua novel mengetengahkan fenomena sosial malah novel *Luka Nering* telah tersenarai antara 160 buah novel terbaik sastera dunia sepanjang tahun 2014-2016 dan dicalonkan bagi Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016. Novel *Luka Nering* berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa namun gagal di peringkat nasional. Hal ini telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi dan menganalisis fenomena sosial dalam kedua-dua novel tersebut.

1.2 Penyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014 yang menobatkan novel *Nenek* karya Razali Endun sebagai pemenang. Novel *Nenek* berjaya memenuhi salah satu kriteria yang telah ditetapkan seperti pengungkapan fenomena sosial yang kontemporari (*Dewan Sastera*, 2016). Menurut Ahli Panel Penilai HSPM, Razali Endun berjaya meneroka permasalahan politik, ekonomi dan sosial dengan bahasa yang sederhana serta gaya penceritaan yang realistik. Fenomena sosial yang diketengahkan ini ternyata begitu realistik dan sememangnya fenomena ini wujud dalam masyarakat. Gambaran masyarakat yang diketengahkan oleh Razali Endun dalam novel *Nenek* ini begitu menyentuh hati kerana kesengsaraan yang terpaksa dilalui oleh penduduk kampung akibat penindasan golongan kapitalis. Golongan ini hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mempedulikan derita rakyat tertindas akibat pengambilan tanah mereka untuk pembangunan.

Kenyataan ini juga disokong oleh Disman (*Dewan Sastera*, 2016) yang mengatakan bahawa walaupun kemenangan novel *Nenek* diluar dugaan namun beliau mengakui novel tersebut antara novel penting yang dilahirkan beberapa tahun kebelakangan ini. Beliau menambah, *Nenek* merupakan sebuah novel yang menyorot hal kemanusiaan. Hal ini kerana fenomena sosial yang diketengahkan oleh pengarang amat dekat dengan masyarakat dan merupakan isu yang melanda masyarakat pada kebelakangan ini.

Mohd Nasir Hashim (*Dewan Sastera*, 2016) juga menyokong kemenangan novel *Nenek*. Beliau berpendapat latar tempat dan fenomena sosial yang diungkapkan dalam novel *Nenek* begitu hampir dengan dirinya kerana beliau juga anak kelahiran Melaka. Beliau berpandangan, fenomena sosial yang dapat dilihat daripada aspek pembangunan sosioekonomi masyarakat memiliki sifat dan ideologinya sendiri yang berpusat pada kebajikan dan keadilan insan. Akan tetapi, ironinya pembangunan di negara ini, cenderung berkiblatkan kapitalisme yang menghancurkan manusia, kemanusiaan dan alam sekitar.

Latifah Ariffin dalam Berita Harian keluaran 10 Februari 2016 juga menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan bahawa *Nenek* merupakan sebuah naskhah yang memenuhi kriteria novel untuk Melayu yang membawa gagasan penting, iaitu keutuhan bangsa bergantung kepada ciri masyarakatnya dengan mengamalkan hidup harmoni, menjaga warisan budaya dan memelihara tanah air daripada dijual beli sewenangnyanya. Hal ini menunjukkan bahawa fenomena sosial yang berhubung dengan adat dan warisan diketengahkan dalam novel *Nenek*.

Che Ya Che Abdullah (*Berita Harian*, 10 Februari 2016) juga bersetuju dengan kemenangan *Nenek* kerana memaparkan fenomena sosial yang sesuai dengan situasi zaman. Namun begitu, beliau mengatakan bahawa terdapat pengkritik sastera yang

tidak berpuas hati akan kemenangan novel *Nenek*. Ada pendapat yang mengatakan bahawa novel *Luka Nering* lebih sarat dengan fenomena sosial dan layak menang. Tambahan pula, novel *Luka Nering* telah tersenarai antara 160 novel terbaik sastera dunia sepanjang tahun 2014-2016 dan dicalonkan untuk Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016. Antaranya tokoh yang menyokong *Luka Nering* ialah Baharudin Kahar (*Utusan Online*, 2016) mengatakan bahawa *Luka Nering* memaparkan fenomena sosial berkaitan dengan sejarah tanah air yang diolah dengan bahasa yang sungguh baik serta mempersonakan. Mana Sikana (2016) pula mengatakan bahawa *Luka Nering* mengandungi unsur-unsur magis dan realisme. Selain itu, terdapat nilai-nilai moral dalam karya ini. Bukan itu sahaja, novel ini juga memaparkan fenomena sosial seperti percintaan, kekeluargaan dan persahabatan.

Namun begitu, panel penilai HSPM mengatakan bahawa *Luka Nering* memaparkan ketidaklogikan, iaitu Tengku Cik sebagai watak utama merupakan anak raja yang disahkan menghadapi penyakit mental tetapi boleh mengingati kisah-kisah lampau. Ini merupakan kelemahan paling ketara yang terlihat dalam karya tersebut (*Dewan Sastera*, 2016). Tambahan pula, gambaran ini jelas menunjukkan bahawa fenomena sosial dalam novel *Luka Nering* tidak relevan dalam konteks kehidupan masyarakat serta mengangkat pemimpin yang sakit jiwa. Adakah ini yang ingin kita sajikan kepada masyarakat pembaca? Sedangkan sastera itu merupakan cerminan masyarakat.

Oleh yang demikian, percanggahan pendapat ahli akademik dan pengkaji sastera telah mendorong pengkaji untuk melihat pernyataan yang pro dan kontra mengenai kedua-dua novel kajian. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengklasifikasi dan menganalisis aspek fenomena sosial yang terdapat dalam kedua-dua novel kajian.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif dalam kajian ini:

- i) mengklasifikasikan fenomena sosial dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) dan *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014).
- ii) menganalisis fenomena sosial dalam novel *Nenek* (2014) dan *Luka Nering* (2014) dengan menggunakan teori fakta sosial oleh Emile Durkhiem (1938).

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini amat penting kepada beberapa pihak. Pengkajian yang dilakukan ini diharap dapat membetulkan salah faham terhadap novel *Nenek* yang dikatakan tidak layak untuk memenangi anugerah tersebut. Melalui kajian ini, pengkaji akan memberi ilmu yang baharu kepada masyarakat. Fenomena sosial yang

diketengahkan dalam novel *Nenek* merupakan realiti yang melingkari kehidupan harian masyarakat. Selain itu, kajian ini penting kerana dapat memperkenalkan buku-buku yang baharu kepada pembaca. Melalui kajian ini diharap pembaca yang tidak sempat membaca akan membuka minda mereka untuk melihat buku-buku yang baharu di pasaran.

Kajian ini juga penting kepada pembaca kerana melaluinya pembaca akan memperoleh ilmu dan pengetahuan. Pembaca mungkin dapat mengenal pasti mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang yang mungkin tidak sampai kepada mereka. Hal ini kerana pembaca dan pengarang mempunyai perspektif yang berbeza. Justeru melalui kajian ini pembaca memperoleh contoh dan teladan yang baik untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Pembaca dapat menilai sama ada novel itu bermutu atau tidak dan pembacanya dapat memberi kepuasan atau sebaliknya.

Bagi para pengkritik, diharap kajian ini dapat dijadikan landasan untuk melakukan lebih banyak kritikan terhadap novel yang pernah memenangi sesuatu anugerah. Kritikan yang menggunakan pelbagai teori dan pendekatan akan menyuburkan lagi kritikan terhadap genre novel sekaligus memperluaskan bidang kritikan di Malaysia. Diharap juga kajian ini mampu memberi sumbangan terhadap kritikan sastera.

Seterusnya kajian ini penting kepada masyarakat yang sentiasa memandang serong terhadap bidang sastera. Kajian ini diharap dapat membuka minda mereka yang stereotaip terhadap sastera yang dianggap tidak memberi manfaat dan sesuai bagi golongan yang suka berkhayal. Sastera bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan malah turut memberi ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan mengenai fenomena sosial yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan novel *Luka Nering* karya Malim Ghozali PK (2014) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan bahan kajian tersebut adalah didasarkan kepada beberapa kriteria. Antaranya ialah novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) merupakan pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014/2015 bagi kategori novel. Manakala novel *Luka Nering* karya Malim Ghozali PK (2014) telah disenarai pendek bagi Hadiah Sastera Perdana 2014- 2015 bagi kategori novel. Novel tersebut juga telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris iaitu *Tree of Sorrow*. Bukan itu sahaja, novel *Luka Nering* tersenarai antara 160 buah novel terbaik sastera dunia sepanjang tahun 2014-2015 serta dicalonkan untuk Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016.

1.6 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini memerlukan pengkaji mencari bahan di institusi yang berkaitan dengan bidang sastera. Oleh itu, pengkaji memperoleh bahan daripada Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah analisis teks. Melalui kaedah ini pengkaji membuat pembacaan, penelitian, pemahaman dan penganalisisan yang terperinci terhadap novel *Nenek* dan *Luka Nering*. Kaedah analisis teks ini penting kerana pengkaji akan mengenal pasti serta menganalisis fenomena sosial dalam bahan kajian.

1.7 Definisi Konsep

Setiap perkataan mempunyai maksud yang tersendiri. Dalam penulisan tesis ini terdapat tiga istilah yang perlu diberi definisi dengan terperinci iaitu “fenomena sosial” dan “novel”. Penting untuk memberikan pengertian istilah ini dalam kajian yang dijalankan bagi mengelakkan pemahaman yang berbeza. Justeru, pengkaji mengemukakan beberapa pendapat sarjana mengenai kedua-dua konsep yang akan digunakan dalam kajian.

1.8 Fenomena sosial

Secara umumnya, fenomena sosial merupakan kenyataan yang diperhatikan serta dapat dikesan melalui tingkah laku masyarakat. Ini bersesuaian dengan pendapat Azemi Salim (1989:05) yang mengatakan bahawa fenomena sosial merujuk kepada peraturan-peraturan mengenai tingkah laku di dalam sesebuah masyarakat. Tingkah laku ini merujuk kepada cara bagaimana mereka menyusun untuk mewujudkan sesebuah masyarakat dan bukan hanya sekelompok orang yang kebetulannya tinggal di tempat yang sama di dunia ini. Fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat ini haruslah dijelaskan dengan menghubungkan masyarakat dengan peraturan-peraturan tersebut. S. Puspanegara juga menyokong pendapat tersebut dengan pernyataan:

Fenomena sosial juga merupakan aturan-aturan tingkah-laku yang memang sudah menjadi adat pada tiap-tiap kelompok manusia, iaitu aturan-aturan tingkah laku yang sudah menjadi tradisi, sudah menjadi adat istiadat dan ukuran sopan santun umum, dan aturan-aturan yang masih harus ditaati, iaitu aturan-aturan yang berdasarkan norma-norma baru yang menjadi syarat untuk hidup dalam sesuatu pergaulan.

(S.Puspanegara, 1996:139)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa fenomena sosial menurut pandangan S. Puspanegara merujuk kepada tingkah laku manusia yang sudah menjadi budaya dan tradisi. Jika dilihat dari segi adat istiadat perkahwinan Melayu yang bermula dengan peringkat merisik, kemudian bertunang dan seterusnya berkahwin. Ini merupakan adat istiadat yang diwarisi sejak dahulu dahulu. Apa yang menjadi kebiasaan umum dalam masyarakat menjadi kemestian yang mesti diikuti atau ditiru. Walaupun pada zaman moden tidak semua masyarakat Melayu mengamalkan tradisi tersebut, namun masih ada lagi golongan yang sentiasa hidup dalam warisan.

Manakala bagi Harsojo (1971:13), kebudayaan merupakan salah satu daripada fenomena sosial iaitu mengenai kebudayaan masyarakat yang mengandungi pengetahuan, kesenian, kesejahteraan, moral, hukum, adat-istiadat dan kebiasaan-kebiasaan yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Abdullah Taib (1985:03-05) turut menegaskan bahawa kebudayaan merupakan salah satu ciri penting bagi mengenal pasti fenomena sosial. Penggunaan simbol seni, agama dan kewangan merupakan ciri yang digunakan bagi mengenal pasti tingkah laku manusia. Jika dilihat daripada perspektif ahli antropologi tingkah laku ini disebut sebagai fenomenal. Misalnya, seorang ahli antropologi yang melakukan penyelidikan terhadap masyarakat Iban di Sarawak melihat bagaimana orang Iban menenun kain atau menganyam tikar. Daripada aktiviti menganyam tikar, ahli antropologi dapat melihat alat-alat yang mereka gunakan, reka bentuk yang mereka pilih dan bagaimana kerja-kerja tersebut dijalankan mengikut umur, jantina dan lain-lain yang merupakan sebagai satu fenomena yang dapat diperhatikan dalam kebudayaan masyarakat Iban. Aspek kebudayaan merupakan suatu sistem perlakuan yang diamalkan oleh semua anggota masyarakat tersebut. Berdasarkan pendapat ini, fenomena sosial dapat dijelaskan sebagai simbol-simbol yang menggambarkan masyarakat seperti penggunaan simbol seni, agama dan kewangan. Fenomena sosial juga merupakan kenyataan yang dapat diperhatikan seperti kebudayaan sesuatu masyarakat.

Kamanto Sunarto (1985) dalam Abdullah Taib (1985:3-5), melihat fenomena sosial sebagai kebiasaan (*custom*), atau *folkways* iaitu istilah-istilah yang paling sering digunakan bagi cara-cara bertindak yang khusus dan baku, yang lazim dijumpai pada masyarakat yang mempunyai kebudayaan yang sama. Istilah tersebut dapat diterapkan pada suatu tindakan sosial. Dengan demikian, kebiasaan merupakan setiap tindakan yang dilaksanakan secara rutin menurut suatu pola yang diterima secara umum dalam suatu kelompok tertentu. Justeru, Zamroni (1992:52) mendefinisikan fenomena sosial sebagai perilaku individu yang dipengaruhi oleh perilaku masyarakat seperti norma-norma, aturan-aturan, adat-istiadat dan sebagainya. Individu dalam sesebuah masyarakat mestilah bertindak seperti dalam lingkungan sosialnya.

Mohd Fauzi Yaacob (2004:03) merujuk kepada pendapat Ibnu Khaldun mengatakan bahawa sains sosiologi membicarakan fenomena sosial dalam kehidupan manusia, masyarakat manusia dan sains ini khususnya terlibat dengan kefahaman (*fahm*), sebab

musabab (Asbab), tindakan manusia dan akibatnya (Natayg). Melalui sains ini manusia berupaya menghuraikan fenomena sosial secara keseluruhan. Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dijelaskan bahawa fenomena sosial merupakan tingkah laku manusia yang dapat dikenal pasti melalui kefahaman, sebab musabab dan tindakan manusia. Semua ini merupakan faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan fenomena sosial dalam sesebuah masyarakat.

Seterusnya, A.R. Radcliffe Brown dalam Norazit Selat (1993:03) fenomena sosial dapat dilihat daripada tiga aspek utama iaitu struktur, fungsi dan proses. Definisi yang diberikan oleh A.R. Radcliffe ini lebih menjurus kepada pembahagian tugas dalam masyarakat. Struktur sosial yang diamalkan dalam organisasi sosial ini akan menentukan sama ada mereka mampu atau tidak membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Oleh yang demikian, pendapat ini mengatakan bahawa struktur sosial menjadi asas dalam mengenal pasti fenomena sosial dalam masyarakat.

Joseph S. Roucek dan Roland L. Warren, (1984:291) sebagai memetik pendapat Giddings mengatakan bahawa semua fenomena sosial adalah hasil dari tingkah laku pluralistik yang berjuang untuk wujud. Tingkah laku pluralistik adalah tingkah laku kolektif yang mempunyai norma dan aturan-aturannya tersendiri. Rohana Yusof (1996:16) pula mengatakan fenomena sosial dapat dijelaskan sebagai kajian mengenai masyarakat dan tingkah laku manusia. Hassan Shadily (1984:02), mendefinisikan fenomena sosial sebagai kenyataan yang dapat dilihat dari aspek kebudayaan. Aspek ini merangkumi adat-istiadat, kepercayaan, kesenian serta semua aspek kehidupan manusia.

Selain itu, Ting Chew Peh (1997:29) mengatakan bahawa pada umumnya pendekatan fungsionalisme merupakan satu pendekatan yang menganalisis fenomena sosial dari segi fungsi atau tujuan yang dipenuhinya dalam sesuatu sistem sosial. Fenomena sosial menurut pendekatan fungsionalisme merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, komunikasi, nilai dan norma dan lain-lain. Pendekatan ini turut memperakui bahawa fenomena sosial adalah saling berkait dan bergantung. Oleh itu, perubahan satu aspek menimbulkan kesan ke atas aspek lain. Setiap fenomena sosial dianggap mempunyai fungsi bagi memenuhi keperluan atau tujuan tertentu dalam masyarakat.

Emile Durkheim pula menegaskan bahawa fakta sosial ialah satu cara bertindak sama ada tetap atau tidak yang mempunyai satu paksaan luar atau satu cara bertindak yang umum dalam sesuatu masyarakat, yang wujud dengan sendirinya iaitu bebas daripada manifestasi individunya (*The Rules of Sociological Methods*, 1938:13). Contohnya ialah adat, budaya, undang-undang dan etika yang diterima oleh sesebuah masyarakat tanpa dipersoalkan. Ini bermakna fenomena sosial merujuk kepada aturan-aturan yang telah diterima dan dipersetujui bersama oleh masyarakat. Misalnya, bila warna lampu isyarat merah maka kenderaan berhenti. Inilah yang dikatakan oleh Durkheim sebagai faktor sosial kerana terdapatnya kuasa paksaan dan wujud di luar kesedaran individu. Durkheim turut menegaskan untuk menerangkan mengenai fenomena sosial

dan kebudayaan ahli sosiologi tidak harus mengutamakan aspek psikologi individu, aspek sosiologi juga harus dititikberatkan. Oleh itu, fenomena seperti kadar bunuh diri tidak dapat difahami sepenuhnya semata-mata dengan merujuk kepada sejarah hidup orang yang membunuh diri. Hal ini kerana, kadarnya boleh diramalkan tepat, tetapi tingkah-laku individu pada masa akan datang tidak dapat diramalkan.

Stark (1958) dalam Hassan Shadily (1984:02), memperakukan fenomena sosial sebagai fakta-fakta yang dibina oleh masyarakat dan sentiasa dibina semula oleh masyarakat. Hal ini bermakna, fenomena sosial akan berubah mengikut peredaran zaman. Fenomena sosial menurut beliau juga adalah ciptaan manusia.

Amir Hassan Dawi (1999:01) memetik pendapat Waters, menjelaskan bahawa fenomena sosial dapat ditakrifkan sebagai hubungan dan interaksi antara manusia. Kajian yang berkaitan mengenai fenomena sosial akan memberi kefahaman bagaimana pengaruh sosial mencorakkan kehidupan manusia. Interaksi ini menghasilkan pelbagai fenomena sosial itu sama ada akan berkekalan, berubah, berkembang, ditinggalkan ataupun mundur. Stark dan Waters dalam Hassan Shadily (1984:02), memperakui bahawa fenomena sosial sebagai fakta-fakta yang dibina sendiri oleh masyarakat. Oleh itu mereka menyetujui bahawa fenomena sosial akan berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini jelas menyatakan bahawa fenomena sosial yang dipaparkan dalam novel pada tahun 1920-an iaitu permulaan genre novel di Malaysia berbeza dengan pemaparan fenomena sosial pada masa kini.

Manakala Abdul Kadir Kasim (1980:03), menjelaskan definisi fenomena sosial daripada perspektif antropologi kebudayaan dapat dijelaskan melalui kajian perbandingan fenomena sosial, taburannya yang berbentuk geografi dan perkembangan sejarahnya. Fenomena tersebut merangkumi organisasi-organisasi termasuk adat-resam perkahwinan, ekonomi, kerajaan, undang-undang, idea tentang moral dan kod, sastra *folk* dan kepercayaan serta perlakuan terhadap magis dan agama.

Leply dalam Joseph S. Roucek dan Roland L. Warren (1984:294) beranggapan bahawa fenomena sosial dianggap sebagai pengamatan yang teliti terhadap fakta sosial dan analisa induktifnya. Dalam menghuraikan fenomena sosial, beliau memperkenalkan penggunaan kaedah kajian kes dalam penyelidikan sosial. Menurut beliau, fenomena sosial dapat dikaitkan dengan kawasan atau kedudukan geografi menentukan jenis pekerjaan, dan ini mempunyai pengaruh terhadap organisasi ekonomi sesuatu keluarga atau institusi lain. Spencer (1910) dalam Joseph S. Roucek dan Roland L. Warren (1984:294) mendefinisikan fenomena sosial sebagai ikatan kekeluargaan, kawalan sosial dan industri atau kerjaya.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang disertakan di atas, maka jelaslah kepada pengkaji bahawa fenomena sosial merupakan fakta atau kenyataan mengenai masyarakat. Kenyataan tersebut lahir daripada tingkah laku manusia yang mencorakkan kehidupan mereka. Fenomena sosial merupakan kenyataan yang lazim dalam sesuatu

kelompok. Adat dan budaya misalnya merupakan fenomena yang dapat diperhatikan dalam masyarakat. Adat dan kebiasaan yang lazim diamalkan oleh sesuatu kelompok menjadi budaya hidup mereka. Justeru, seseorang yang tidak mengamalkan adat dan budaya tersebut dianggap sebagai melanggar norma-norma hidup yang ditetapkan oleh masyarakat. Fenomena sosial juga merupakan sesuatu yang diterima dan dipersetujui bersama oleh masyarakat. Oleh itu, fenomena sosial merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat iaitu aspek politik, ekonomi, sosial dan keagamaan. Justeru dalam membicarakan mengenai fenomena sosial, penekanan perlu diberikan kepada kedua-dua unsur negatif dan unsur positif.

1.9 Novel

Novel merupakan salah satu genre dalam kesusasteraan Melayu. Novel merujuk kepada sebuah prosa cereka yang panjang, menceritakan kisah hidup manusia pada suatu masa, tempat tertentu dan menyentuh persoalan kehidupan yang menarik (Hashim Awang, 1984:45). Hal ini dipersetujui oleh Yahaya Ismail (1976:30) yang mengatakan bahawa novel adalah sebuah cerita panjang yang ditulis dalam bentuk prosa. Oleh kerana penulisan novel tidak terbatas maka novel menjadi sangat popular sejak abad kelapan belas hingga dewasa ini.

Secara umumnya novel membawa pengertian cerita rekaan berbentuk prosa naratif yang panjang. Watak-watak rekaan dalam novel mewakili kehidupan manusia pada masa kini atau pada masa lampau dalam dunia realiti. Walaupun pada hakikatnya, novel dikatakan sebuah karya fiksi, namun tidak dapat dinafikan bahawa watak-watak dalam novel diinspirasikan dari watak sebenar dalam dunia realiti. Novel merupakan gabungan antara dua elemen iaitu fakta dan imaginasi. Justeru novel mampu meninggalkan kesan emosi, menggambarkan situasi masyarakat peristiwa yang berlaku di sekelilingnya.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji menjelaskan beberapa perkara penting dalam kajian. Ini bagi memberi gambaran awal kepada pembaca. Bab ini mengandungi pengenalan ringkas mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan batasan kajian. Dalam bab ini juga pengkaji telah menggariskan dua objektif kajian sebagai tumpuan perbincangan. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian sama ada sorotan tersebut dalam bentuk jurnal, artikel, buku, kertas kerja dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- A.Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Aziz Deraman. (2015). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan. (2006). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abdul Aziz Ismail. (1999). *Jalan-jalan Pengabdian Diri kepada Allah Azzawajala*. Batu Caves: Galeri Watikah.
- Abdul Basir Mohamad. (Okt-Dis 2001). "Konsep Kejiranan Mengikut Undang-Undang Tort Islam" dlm *Pemikir* hlm 199-201
- Abdul Kadir Kasim. (1980). *Seratus Tahun Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Ghalib Ahmad Isa. (2003). *Membina Generasi Berakhlak*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia
- Abdullah Hakam Jamaluluddin (Dis 2016). "Ciri-Ciri Pemimpin dalam Islam" dlm *Dewan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 10
- Abdullah Sidik (1975). *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdullah Taib. (1985). *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003) *Gejala Sosial dalam Islam Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Shalaby. (1976). *Masyarakat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Alex Inkeles. (1985). *Apa itu Sosiologi?: Satu Pengenalan Mengenai Disiplin dan Profesion*. Terj. Cheu Hock Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amir Hassan Dawi. (1999). *Pentorian Sosiologi dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Amaludin Ab. Rahman dan Noralina Omar. (2008). *Kaunseling Remaja: Tips dan Panduan ke arah Satu Keluarga Satu Kaunselor*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Anwar Din. (2007). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2011). *Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak*. *Jurnal PENDETA*, 11 (2) 139-151.
- A.Rahim Abdullah.(1995). *Pemikiran Sasterawan Nusantara: Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asan Ali Golan Hassan. (Okt-Dis 2004). "Falsafah Pembangunan Pemimpin". dlm *Pemikir* Bil.38 hlm 02. Kuala Lumpur: Utusan Karya Sdn. Bhd.
- A.Samad Ahmad (1979). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azemi Salim. (1989). *Antropologi Sosial Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan Teori, Analisi dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Dewan Sastera* (2016). "Nenek, Novel Sederhana yang Besar". 45. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Emile Durkhiem.(1938). *The Rules of Sociological Methods by Emile Durkheim* Diterjemahkan oleh: Sarah A.Solovay dan John H. Mueller. New York: The Free Press. 8th Edition.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Fauzian Mohammad. (2001). *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fatimah Abdullah. (2015). *Keluarga dan Permodenan di Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn.Bhd.
- Fatin Hazwan Siran. (2007). Hubungan *Internal Religiosity dengan Budaya Amali Pelajar*. dlm Seminar Kebangsaan Sains Sosial ‘Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan’. Jilid 1. Universiti Putra Malaysia: Institut Pengajian Sains Sosial IPSAS.
- Harsojo. (1971). *Pengantar Antropologi*. Indonesia: Binatjipta Bandung.
- H.Hamzah Ya’qub. (1992). *Etos Kerja Islami*. Jakarta CV Pedoman Ilmu Jaya.
- Hapriza Ashari, Khairiah Soehad, Lekha Lexma. (2003). *Prinsip Undang-Undang Malaysia*. Bentong, Pahang: PTS Publications.
- Haron Din. (2007). *Agama Bisnes & Pengurusan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (Januari 1984). ‘‘Apresiasi Novel’’ dalam *Dewan Sastera*. 68-69. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Hussin dan Mardiana Nordin. (2007). *Pengajian Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Hassan Shadily. (1984). *Sosiologi untuk Masyarakat Indonesia*. Indonesia: PT.Bina Aksara.
- Herni Syam. (2015). *Fenomena Sosial dalam Kumpulan Cerpen Tasik Syahdu Karya A.Samad Said*, Latihan Ilmiah, Universiti Putra Malaysia.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi. (1997). *Adab Sopan dan Pekerti dalam Islam* Diterjemahkan oleh: Hussin Salamon, Mohd. Nasir Ripin. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Ilyas Mohammad Umar. (2007). *Tips Mencapai Ketenangan Jiwa Mengatasi Kegelisahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Azhar.
- Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP). (2005). *Adat Istiadat Melaka Darjah Kebesaran, Bintang, Pingat dan Tatacara Pemakaian*.
- Ishak Saat. (2012). *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*. Malaysia Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributors.

- Ismail Ahmad. (1988). *Memahami Novel dan Cerpen*. Kuala Lumpur: IBS Buku Sdn Bhd.
- Ismail Ibrahim. (2013). *1 Malaysia kepelbagaian dimensi*. Putrajaya: Akademi Kenegaraan BTN, Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2012). *Kehidupan di usia senja*. <http://emasjid.jais.gov.my/uploads/uploads/manualkhutbahmultimedia05pdf?cv=1>. Diakses pada 13 Januari 2016.
- Jeniri Amir. (2005). *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Johari Alias. (1997). *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan Jaafar. (April 1983).'' *Kecenderungan Mitos dan Dasar Realisme: Melihat Novel Sebagai Novel*'' dalam *Dewan Sastera*. 3-4.
- Joseph S. Roucek dan Roland L.Warren. (1984). *Pengantar Sosiologi*. Indonesia: PT. Bina Aksara
- Kassim Ahmad. (1984). *Teori Sosial Moden Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kasim Mansur. (2009). *Pembentukan Modal Insan Cemerlang: Pendekatan Ekonomi Islam*. Universiti Malaysia Sabah.
- Khadijah Alavi. (2012). *Dilema Penjagaan Ibu Bapa Tua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Latifah Ariffin. (2016). Nenek cabar daya intelektual. Berita Harian Online. http://www.ukm.my/pkk/wp-content/uploads/bsk-pdf-manager/100216-BERITA_HARIAN-NENEK_CABAR_DAYA_INTERLEKTUAL_582.pdf Diakses pada 31 Januari 2017
- Lukman Thaib. (Okt-Dis 1998). ''Kepimpinan Menurut Pandangan Islam'' dlm *Pemikir* Bil 4 hlm 06.
- Mahyuddin Syaf. (1976). *Fikih Sunnah*. Bandung: P.T. Alma'arif.
- Manja Mohd.Ludin.(1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malim Ghozali PK. (2014). *Luka Nering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian Online. 2017. Malaysia di tangga ke-55 Indeks Persepsi Rasuah 2016.www.bharian.com.my/node/239683. Diakses pada 31 Januari 2017.

- Mardzelah Makhsin. (2007). *Sains Pemikiran & Etika*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Marizayu Mustafa. (2006). *Pemikiran dalam Novel-Novel Khadijah Hashim*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Mana Sikana, 2016, "Luka Nering Melalui Bacaan Idealistik Teksdealisme". *Dewan Sastera*, 2016 ms 26.
- Megat Lutfi Megat Rahim.(2015).Kosmo Online.1,001 alasan pasangan ditangkapkhalwat.http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0325&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm. Diakses pada 31 Januari 2017.
- Michael Mulkay (1990). *Sains dan Sosiologi Ilmu Pengetahuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fauzi Yaacob. (2006). *Malaysia Menangani Perubahan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Hussein Baharuddin.(1998).Tesis Doktor Falsafah. *Persoalan Sosial dalam Novel-Novel A. Samad Said*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan. (2008). *Keutuhan Budaya dan Moral*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Penerbit Tanjong Malim Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Nasir Omar. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd
- Mohd. Noor Abdullah. (Dis 2016). "Raja dan Perlembagaan" dalam *Dewan Budaya* hlm 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Radzi Ibrahim. *Permasalahan Sosial menurut Pandangan Islam* (2003) dalam *Undang-Undang Kerja Sosial di Malaysia dan Kaitannya dengan Pembangunan Keluarga*, Najib Ahmad Marzuki, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd.Razlan Muhamad Rafi.(2014).UtusanOnline. Isu perumahan selesai.
<http://www.utusan.com.my/rencana/isu-perumahan-selesai-1.3815>.Diakses pada 31 Januari 2017.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2013). *Ekonomi Politik Islam Teori dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Moleong, L.J. (2004). *Metodologi penelitian kualitatif*. Edisi revisi. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Mohammad Isa Selamat. (1999). *Solat Hajat Panduan Mencapai Hasrat*.
Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mohammad Salleh. (2009). *Terapi Solat Tahajud Mukjizat Penyembuh Penyakit*. PTS Millennia Sdn Bhd.
- Mohammad Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Mohammed Sani Ibrahim, Jamalul Lail Abdul Wahab. (2012). *Kepimpinan Pendidikan*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Salleh. (2009). *Terapi Solat Tahajud Mukjizat Penyembuh Penyakit*. PTS Millennia Sdn Bhd.
- Muhammad Ali Qutb. (2005). *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Fathi Yusof. (2005). *Undang-undang Tanah di Malaysia*. Skudai Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Hisyam Mohamad. (2007). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Muhamad Zahid, 2016, "Luka Nering Melalui Perspektif Historisme Baru Acuan Kolonial dan Politik Masa Kini". *Dewan Sastera* ms 32.
- Mustafa Haji Daud. (2002). *Cabaran Tamadun Islam pada Alaf Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Pengantar Politik Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1999). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distibutors Sdn. Bhd.
- Musa Daia. (1975). *Kaedah dan teknik pengajaran*. Johor Bahru: Badan Bookstroe Sdn.Bhd.
- Nik Azis Nik Pa. (2012). *Pengalaman Budaya Ketepatan dalam Gagasan IMalaysia Transformasi ke arah Pembentukan Negara Maju* Putrajaya : Akademi Kenegaraan BTN Jabatan Perdana Menteri.

- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Ekspresi Psikologi dalam Novel Pilihan*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Arba'ie Sujud. (2010). *Kesusasteraan Remaja dan Penulisan: Teknik Penceritaan serta Pengaplikasian dalam Novel Remaja*. Kuala Lumpur: Casa Delima Sdn.Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2011). *Novel Remaja Jibam: Kajian Fenomena Sosial*. MANU Volume 17, 111–129.
- Nisah Hj Haron. (Sept 2015). *Amanah, Anugerah dan Hadiah dalam Dewan Sastera*. 10-14.
- Nor Amalina Alias. (2016). Berita Harian Online. Pesakit mental jalani rawatan psikiatri perlu diberi pekerjaan. <https://www.bharian.com.my/node/194159>. Diakses pada 31 Januari 2017.
- Norazlinda Mohd Ali Hanafiah. (2006). *Memahami Kemiskinan dalam Isu-Isu Pendidikan Kerja Sosial*, Azlin Hilma Hillaluddin, Fatimah Zailly Ahmad Ramli, Rasimah Sayuti dan Yusmarhaini Yusof. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Norita Hamdan. (1998). *Novel Salina karya A. Samad Said: Dilihat dari Sudut Sosial*. Universiti Putra Malaysia.
- Norazit Selat. (1993). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oloan Situmorang. (1993). *Seni Rupa Islam Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Bandung: Penerbit ANGKASA.
- Othman Puteh. (1994). *Tema Kesusasteraan Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Majalah *Dewan Sastera* jilid 24.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Khalid. (1998-2000). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. (1993). *Idea-idea Utama dalam Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Endun. (2014). *Nenek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Robiah K.Hamzah. (2004). *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd.

- Rogayah Ibrahim. (2000). *Fenomena Sosial dalam Cerpen-Cerpen Azizi Haji Abdullah*, Latihan Ilmiah, Universiti Putra Malaysia
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohidzir Rais. (2011). *Anda bertanya, Ustaz menjawab mengenai solat*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika.
- Roslina Abu Bakar. (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Hashim, Abdul Karim Abdul Ghani. (2003). *Ekonomi dan pendidikan dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari. (2002). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shaarani Ismail, Balqis Jazimah Zahari. (2016). Berita Harian Online Rasuah, Pecah amanah punca kejatuhan tamadun-Sultan Nazrin. <https://www.bharian.com.my/node/223038>. Diakses pada 31 Januari 2017.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamini A/P Paramasivam. (2015). *Cerpen-Cerpen Karya Azizi Haji Abdullah Dilihat Daripada Perspektif Sosiologi*, Latihan Ilmiah, Universiti Putra Malaysia.
- Shukri Ahmad dan Razali Mat Zin. (2001). *Adab & Etika Kerja dalam Organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (1994). *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM.
- Siti Maheeran Yajid. (2006). *Penelitian Fenomena dalam Novel Orang Kota Bharu dan The Missing Piece: Satu Analisis*, Latihan Ilmiah, Universiti Putra Malaysia.
- Sinar Online. (2015). Kawal lambakan pekerja asing di Malaysia. www.sinarharian.com.my/.../kawal-lambakan-pekerja-asing-di-malaysia...
- Sufean Hussin, Che Zainon Omar. (2002). *Masalah remaja daripada keluarga ibu tunggal*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Sufean Hussin. (1995). *Pengajaran nilai dalam dalam kokurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

- Sufean Hussin.(2005). *Pendidikan di Malaysia: sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2004). *Novel dalam Kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- S.Othman Kelantan. (1986). *Teknik Mengkaji Novel (dalaman dan luaran)*. Kuala Lumpur: Karya Bistari. Sdn. Bhd.
- S.Puspanegara. (1966). *Tjiri2 dan Alam Hidup Manusia Suatu Pengantar Antropologi Budaya*.Jakarta : Penerbitan Sumur Bandung.
- Syed Abdul Rahman Syed Mohd *Undang-Undang dan Perkhidmatan Kerja Sosial di Malaysia* (2003) dalam *Undang-Undang Kerja Sosial di Malaysia dan Kaitannya dengan Pembangunan Keluarga*. Najib Ahmad Marzuki, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. (1986). *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid. (2007). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Farid Alatas. (2009). *Rasuah Sifat Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail Syed Mustafa dan Ahmad Subki Miskon.(2010). *Budaya dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Syed Omar Syed Agil. (1996). *Malaysia di ambang abad ke-21: kemahuan untuk berubah prasyarat menuju Malaysia maju tahun 2020*: Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Syed Othman Alhabshi, Nik Mustapha Nik Hassan. (1994). *Islam and Tolerance*. Kuala Lumpur: Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Syekh Muhammad Yusuf Qardhawi. (1980). *Halal dan Haram dalam Islam*. Singapura: Himpunan Belia Islam.
- Talib Samat. (1988). *Islam diantara Percikan: Sastera dan Budaya*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ting Chew Peh. (1997). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Hamidi Ismail. (2002). "*Kemiskinan di Malaysia: Isu dan Cabaran*". *Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yahya Don, Aziah Ismail dan Yaakob Daud. (2007). *Kepimpinan & Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Yahaya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahaya Ismail. (1976). *Sejarah Sastra Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Zarinah Arshat (2008). *Isu Keluarga Kontemporari*. Kuala Lumpur: Inreach Edition.
- Zamroni. (1992). *Pengantar Pengembangan Teori Sosial*. Indonesia: PT.Bina Aksara.
- Zulpan Nasution. (2004). *Mengatasi masalah remaja muslim kini*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.